



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,  
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 11 TAHUN 2008**

**Langkah-langkah Bagi Memperketatkan  
Kawalan Perbelanjaan Kerajaan Negeri**

**TUJUAN**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri mengenai langkah-langkah bagi memperketatkan kawalan perbelanjaan sektor awam negeri berikutan kenaikan harga barangan sejak kebelakangan ini.

**LATAR BELAKANG**

2. Beberapa langkah bagi memantapkan kedudukan ekonomi negeri terutamanya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat telahpun diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Bil. 7 Tahun 2008 berhubung dengan Garispanduan Bagi Penyediaan Bajet Tahun 2009 dan 2010 yang dikeluarkan pada 17 April lalu telahpun menggariskan beberapa aspek penjimatan, perbelanjaan berhemah, elakkan pembaziran serta mengadakan kawalan dalaman yang lebih berkesan bagi mengurangkan kos serta meningkatkan mutu

perkhidmatan sektor awam. Ini termasuklah memastikan perolehan aset yang benar-benar perlu sahaja dibuat dan mengelakkan pembelian aset berunsur mewah. Disamping itu Pegawai Pengawal juga telah diminta memastikan bahawa semua urusan kewangan dibuat dengan teratur dan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan sedia ada.

3. Krisis kenaikan harga minyak yang berlaku di peringkat global telah membawa kepada pengumuman kenaikan harga petrol pada awal bulan Jun 2008 dan kenaikan tarif elektrik yang akan bermula pada bulan Julai 2008 dijangka akan memberi kesan kepada kenaikan harga yang besar bukan sahaja dari segi kenaikan kos perkhidmatan tetapi juga melibatkan harga kontrak bagi projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan. Keadaan yang sedemikian menyebabkan langkah-langkah penjimatan dan kawalan perbelanjaan yang lebih ketat perlu dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku lebih perbelanjaan dan peruntukan sedia ada mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan yang telah dirancang terutamanya perbelanjaan yang komited yang telahpun ada ikatan perjanjian /kontrak.

4. Kerajaan Negeri telahpun mengumumkan beberapa langkah yang lebih drastik bagi menangani kesan kenaikan harga minyak ke atas perbelanjaan sektor awam di mana keputusan yang dibuat adalah berfokus kepada tindakan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam.

## **LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN SEKTOR AWAM**

### **Penggunaan Perkhidmatan Perjalanan Udara Yang Lebih Murah**

5. Ketua-ketua Jabatan dan pegawai adalah digalakkan menggunakan perjalanan udara tambang murah di mana selain daripada perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), beberapa syarikat penerbangan lain

seperti Air Asia, Firefly, Transmile Air dan FAX boleh digunakan untuk penerbangan domestik. Penempahan tiket dengan syarikat-syarikat penerbangan ini boleh dibuat melalui penggunaan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA). Pegawai juga boleh membuat pembelian tiket dengan bayaran tunai atau menggunakan kad kredit dan kemudiannya membuat tuntutan kepada jabatan dengan mengemukakan resit bayaran yang dilampirkan bersama tuntutan perjalanan, dengan syarat perjalanan tersebut diluluskan oleh ketua jabatan.

6. Pegawai-pegawai yang layak menaiki penerbangan kelas satu adalah digalakkan menaiki pesawat kelas ekonomi kecuali dalam keadaan yang terdesak di mana tiada pilihan lain dapat dibuat.

### **Perjalanan Keluar Negara**

7. Perjalanan keluar negara menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tidak dibenarkan sama sekali kecuali bagi perjalanan yang mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan. Bagi perjalanan ke luar negara, perkhidmatan penerbangan MAS hendaklah digunakan dan penggunaan perkhidmatan syarikat penerbangan lain perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu.

### **Mengadakan Kursus/Bengkel/Seminar**

8. Kursus/bengkel/seminar yang diadakan dalam negeri tidak lagi dibenarkan dibuat di hotel tetapi sebaliknya hendaklah menggunakan bangunan dan kemudahan sediaada milik kerajaan.

## **Perbelanjaan Bagi Menyediakan Makanan dan Minuman**

9. Perbelanjaan bagi menyediakan makanan dan minuman untuk majlis-majlis rasmi hendaklah dibuat secara sederhana dan dengan kadar kelayakan yang dibenarkan. Permohonan bagi perbelanjaan yang melebihi kadar kelayakan tidak akan dipertimbangkan.

## **Pembekalan Pakaian Untuk Majlis-majlis Rasmi dan Upacara Keraian**

10. Pembekalan pakaian untuk upacara pelancaran di majlis-majlis rasmi tidak dibenarkan termasuk juga pembekalan pakaian kepada sekretariat dan pasukan yang menyertai perarakan.

## **Penggunaan Kereta Persendirian Bagi Menjalankan Tugas Rasmi**

11. Penggunaan kenderaan persendirian bagi menjalankan tugas rasmi termasuk menghadiri majlis rasmi adalah tidak digalakkan malah pegawai dan kakitangan jabatan hendaklah menggunakan kenderaan rasmi jabatan.

## **Penjimatan Penggunaan Utiliti**

12. Penggunaan utiliti seperti telefon dan bekalan elektrik hendaklah dijimatkan di mana lampu-lampu pejabat hendaklah ditutup pada waktu rehat atau apabila bilik/ruang pejabat ditinggalkan kosong. Disamping itu penggunaan hawa dingin juga perlu dijimatkan di mana pada waktu sistem hawa dingin berpusat sedang berfungsi kemudahan penghawa dingin persendirian tidak perlu dipasang.

### **Ubahsuaian Pejabat dan Perpindahan Ke Pejabat Baru**

13. Semua permohonan berkaitan ubahsuaian pejabat dan perpindahan ke ruang pejabat baru yang telahpun diluluskan sebelum ini adalah ditangguhkan keputusannya kecuali bagi projek-projek yang telahpun komited dan dalam peringkat pelaksanaan.

### **Pembelian Aset dan Bekalan Pejabat**

14. Semua pembelian aset adalah dibekukan termasuk penangguhan pembelian aset bagi kenderaan, perabot, komputer dan kelengkapan pejabat yang belum komited. Selain daripada itu pembelian bahan keperluan pejabat seperti bahan cetak dan alat tulis hendaklah dijimatkan.

### **Kewujudan Jawatan Baru, Pengambilan Kakitangan Secara Kontrak/Sambilan/Sementara dan Lebih Perjawatan**

15. Cadangan mewujudkan jawatan-jawatan baru termasuk penstrukturan semula perjawatan adalah dibekukan dan pengambilan kakitangan baru secara kontrak/sambilan termasuk sementara tidak dibenarkan. Disamping itu berikutan ketiadaan lagi pelaksanaan projek-projek persekutuan oleh Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah maka kedudukan perjawatan sedia ada di pejabat-pejabat tersebut akan dikaji semula untuk penempatan semula ke lokasi/jabatan lain yang lebih memerlukan.

### **Pengurangan Kadar Bayaran Elaun Kepada Pengerusi dan Ahli Mesyuarat Lembaga di Badan Berkanun Negeri**

16. Kerajaan Negeri telahpun memutuskan supaya kadar bayaran elaun kehadiran mesyuarat kepada pengerusi dan ahli Mesyuarat Lembaga/Majlis di Badan-badan Berkanun Negeri dikurangkan kepada

RM150.00 bagi Pengerusi, RM100.00 ahli dan RM30.00 jika mesyuarat di peringkat jawatankuasa. Semua jabatan termasuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyemak semula kadar bayaran elaun tersebut dan menyelaraskannya mengikut kadar baru ini. Namun demikian bagi mana-mana jabatan/pihak yang sebelum ini diluluskan elaun pada kadar yang lebih rendah maka kadar bayaran yang lebih rendah itu hendaklah dikekalkan tanpa sebarang kenaikan atau apa-apa tambahan.

17. Berhubung dengan pengurusan mesyuarat Lembaga Tawaran/Tender dan Jawatankuasa Sebutharga, Badan-badan Berkanun Negeri hendaklah memastikan bahawa pengerusi mesyuarat adalah terdiri daripada pegawai kerajaan dan bukannya pihak luar/ ahli lembaga yang dilantik yang bukan pegawai kerajaan. Badan Berkanun Negeri yang mendapat pembiayaan daripada peruntukan Pejabat Setiausaha Kerajaan iaitu Lembaga Muzium Negeri, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Majlis Sukan Negeri hendaklah memastikan bahawa perakuan tender masing-masing hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Berkaitan dengan pengurusan mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga pula, keempat-empat badan berkanun ini hendaklah memastikan bahawa Pegawai Kewangan Negeri atau wakil adalah ahli tetap dalam mesyuarat tersebut.

## **Penutup**

18. Peraturan dalam Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008: Garis Panduan Bagi Perbelanjaan

Secara Berhemat bertarikh 2 Mei 2008 dan Bil. 9 Tahun 2008: Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam bertarikh 9 Jun 2008.

19. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa sertamerta mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' SUPIAH BINTI MD. YUSOF)**  
Pegawai Kewangan Negeri,  
Pulau Pinang.

Tarikh : 30 Jun 2008

s.k. Y.A.B Ketua Menteri

Y.B. Setiausaha Kerajaan

e.d. Bendahari Negeri